

Edisi OGOS-OKT
SIRI 007

BULETIN **AS SOFA**

EDISI OGOS-OKT 2023 / MUHARRAM-RABIUL AKHIR 1445H



YAYASAN SOFA
مُؤسَّسَة الصَّفَافِيَّة



KEMERIAHAN SAMBUTAN **Maulidur Rasul di As Sofa**

HADIAH buat pelajar
Tahfiz & Anak Yatim
AS SOFA DARUL HADITH AL SYAFI'AH RINCHING

DEMI DAKWAH DAN KEBAJIKAN ISLAM
JALINAN KORPORAT

PENGALAMAN TERINDAH
D'SUFFAH TRAVEL



EDISI OGOS - OKT

@yayasansofa

{Coretan AS SOFA}



AS SOFA BERSAMA PALESTIN

Hari ini umat Islam diselubungi kesedihan apabila melihat pertempuran yang berlaku di bumi Palestin. Hari ini juga kita sebagai salah seorang rakyat Malaysia sedang bersatu mengutuk kekejaman Israel di Gaza lebih-lebih lagi apabila pertempuran berubah menjadi semakin membimbangkan.

Jumlah mereka terkorban bertambah dan krisis kemanusiaan semakin buruk. Itulah suasana yang sedang dilihat menerusi laman-laman berita dan media sosial. Peperangan itu bukan hanya perang antara komuniti penghuni di kawasan tegang di Asia Barat tetapi ia adalah pelanggaran hak asasi manusia yang serius oleh rejim Israel.

Kita tidak berdiam di sini tetapi terus menyuarakan rasa benci melalui protes berterusan malah di negara ini yang majoritinya umat Islam terus menadah tangan berdoa dan berperang dengan memohon bantuan daripada Allah SWT.

Penindasan berterusan oleh Israel ke atas penduduk Palestin sejak pembentukan negara Yahudi pada 1948 itu adalah krisis terang-terangan yang seharusnya dibendung. Ayuh, kitakekalkan barisan solidariti membantah perbuatan Israel menindas penduduk Palestin dengan lebih meluas.

Teruskan berdoa kepada Allah SWT supaya jalan kedamaian terbentang luas buat saudara Islam kita di sana, Insya-Allah.

USTAZ MD FARID SAMAD AL HAFIZ
YANG DIPERTUA YAYASAN SOFA



SIDANG REDAKSI
BULETIN AS SOFA

PENGASAS AS SOFA
DATO' SYEIKH HAJI MUHAMMAD FUAD BIN KAMALUDIN

PENASIHAT
USTAZ MD FARID SAMAD AL HAFIZ

PENGARANG
MOHD SHAH BIN CHE AHMAD

PENULIS
SITI NURAZLINEE BT AZMI

PEREKA GRAFIK DAN SUSUN ATUR
NABILAH BINTI MOHD NASIB

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:
Sidang redaksi Buletin As Sofa

Yayasan Sofa Negeri Sembilan
Blok A-1-2, Jalan Dataran Central 1 Dataran Central,
70200, Seremban Negeri Sembilan
Tel: 06- 223 0133
Email: pejabat@yayasansofa.com.my
Website: www.yayasansofa.com.my

LENZA AS SOFA

Aktiviti dalaman Yayasan Sofa yang dihadiri warga kerja As Sofa ini menjadi antara program penyatuan ukuwah. Diadakan setiap hari Jumaat, awal pagi di pejabat Yayasan Sofa diserikan dengan alunan bacaan Yasin dan disusuli dengan tazkirah ringkas yang disampaikan sendiri oleh kakitangan yang juga alumni As Sofa.



Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-66 di Maahad Tahfiz As Sofa Seremban dan Tahfiz Rendah As Sofa Seremban disambut dengan pelbagai aktiviti seperti pertandingan koir, portfolio tokoh kemerdekaan, deklamasi sajak, pakaian beragam dan banyak lagi.

SYEIKH MUHAMMAD SAID AL LINGGI

FOKUS AS SOFA

Sambutan MAULIDURASUL YAYASAN SOFA


Tidak lengkap sambutan Maulidurrasul sekiranya tiada pengisian ilmu termasuk sirah junjungan Rasulullah SAW. Walaupun sambutan Maulid Perdana Yayasan Sofa ini diadakan setiap tahun namun setiap kali itu jugalah majlis Maulidurrasul dipenuhi dengan perkongsian mengenai perjuangan dan titisan akhir dakwah Baginda SAW. Inilah yang dapat menyemarakkan rasa cinta terhadap Rasulullah SAW.

Sambutan yang bermula pada 27 September sehingga malam kemuncak Maulid Perdana Yayasan Sofa pada 1 Oktober lalu diisi dengan pelbagai aktiviti termasuk, pembacaan kitab, perasmian kitab karya Syeikh Muhammad Said al Linggi malah turut menyerikan majlis adalah alunan qasidah, bacaan al-Quran dan berzanji.

Terima kasih kepada semua warga kerja Yayasan Sofa, Institusi As Sofa, semua pelajar tafhib As Sofa, alumni As Sofa dan masyarakat Islam yang hadir menyokong usaha dakwah As Sofa menerusi majlis seperti ini.



LENSA AS SOFA



DA'I CILIK AS SOFA

Pelajar Tahfiz Rendah As Sofa menyertai Kem Jati Diri dan Kepimpinan di D'Kok Eco Camp Kuala Pilah, awal Ogos lalu di mana antara aktiviti yang diadakan ialah *Leadership Game*, *Jungle Trekking*, *Water Confidence* dan *River Crossing*.



SAMBUTAN HARI ASYURA MTAS

Sempena sambutan Hari Asyura, pelajar MTAS mengadakan aktiviti memasak bubur Asyura kemudian diagihkan kepada institusi As Sofa berdekatan. Aktiviti ini dapat memupuk pelajar perempuan MTAS mengenai semangat gotong-royong dan kerja dapur terutama ketika membuat persiapan memasak.

KORPORAT AS SOFA

DEMI DAKWAH DAN KEBAJIKAN ISLAM



Meneruskan legasi Nabi Muhammad SAW, merupakan misi Yayasan Sofa dalam melahirkan lebih ramai pewaris Baginda SAW di muka bumi ini.

Pewaris ini kelak akan menjadi barisan hadapan untuk mentadbir negara. Melalui mereka, al-Quran dan sunnah dapat dipelihara dan disebarluaskan dengan lebih meluas di dalam dan luar negara.

Disebabkan itu, Yayasan Sofa sentiasa memainkan peranan sebagai 'orang tengah' menerusi jalinan korporat bersama agensi kerajaan dan swasta yang bertujuan untuk mendekatkan masyarakat Islam dengan As Sofa.

Yayasan Sofa bukan hanya persatuan agama semata-mata tetapi ia sebagai badan penggerak dalam membangunkan institusi tafhib dan memperkasakan pendidikan berteraskan al-Quran dan kitab Turath berlandaskan Ahli Sunnah wal Jamaah

Justeru, Yayasan Sofa terus mengatur pertemuan dan menjalinkan kerjasama dengan pihak korporat seperti Tabung Haji, Majlis Bandaraya Seremban, Pusat Transformasi Bandar (UTC), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup Negeri Sembilan dan sebagainya.

SESI 2023-2025**PELANTIKAN
AHLI JAWATANKUASA
YAYASAN SOFA**

Kata orang, “**TIADA YANG LAMA, MANA DATANGNYA YANG BAHARU**” dan disebabkan orang lama juga kita kecapa kejayaan pada hari ini. Begitulah yang sedang dihadapi Yayasan Sofa Negeri Sembilan yang kini sudahpun bersama tampuk kepimpinan baharu.

Alhamdulillah, bulan lalu berlangsung sudah pelantikan Ahli Jawatankuasa (AJK) Yayasan Sofa 2023 hingga 2025 yang diadakan di pejabat operasi Yayasan Sofa, Seremban.

Tahniah kepada Yang Dipertua Yayasan Sofa, Ustaz Md Farid Samad al-Hafiz di atas pelantikan ini dan juga kepada semua barisan AJK Yayasan Sofa.

Diharapkan, Yayasan Sofa terus membangun dalam memartabatkan pendidikan al-Quran seiring dengan pendidikan konvensional hari ini disamping memperkasakan pendidikan tafhib negara yang berlandaskan Ahli Sunnah wal Jamaah.

Sekalung penghargaan dan terima kasih juga dirangkapkan kepada semua barisan AJK Yayasan Sofa bagi tahun 2021 hingga 2023.

POS
MALAYSIA / Mini**POS Mini**
DATARAN SENTRAL

“ Cawangan Pos Mini ini menawarkan perkhidmatan yang terdapat di mana-mana Pos Malaysia seperti penghantaran pos laju, pembayaran bil dan pembaharuan (renew) insurans kenderaan. ”

POS MALAYSIA

WAQAF AL QURAN DAN TAHLIL

Sebagai rakan korporat, Yayasan Sofa sentiasa mengatur langkah bagi mempromosikan produk As Sofa di Pos Malaysia Sdn Bhd. Produk Waqaf As Sofa yang sentiasa menjadi pilihan ramai antaranya ialah wakaf al-Quran dan Tahlil.

Setiap wakaf yang dibuat oleh masyarakat Islam seperti tahlil dan al-Quran dilaksanakan sebaik mungkin.

Menerusi Waqaf al-Quran, naskah-naskah al-Quran diedar ke tahfiz yang memerlukan manakala Waqaf Tahlil pula, nama-nama yang diberi dimasukkan ke dalam senarai bacaan yasin dan tahlil menerusi program yang dilaksanakan di semua Maahad Tahfiz As Sofa.

Sehingga kini, lebih 3,000 naskah al Quran telah diagihkan kepada tahfiz yang memerlukan di seluruh negara.

Selain itu, kakitangan Bahagian Korporat Luar, Yayasan Sofa turut memainkan peranan dalam kerjasama kedua-dua pihak bagi menyemarakkan lagi pemasaran dan promosi produk As Sofa di semua kaunter Pos Malaysia.

“ Hari Bersama Pelanggan (HBP) menjadi platform jalinan kerjasama ini antaranya seperti menghadiri HBP di cawangan Pos Malaysia terpilih yang membolehkan kakitangan Yayasan Sofa bergandingan dengan kakitangan Pos Malaysia menjayakan promosi produk Waqaf As Sofa kepada pelanggan Pos Malaysia. ”

Pembukaan

POS MINI MALAYSIA

Jalinan kerjasama Yayasan Sofa dan Pos Malaysia terus kukuh dengan mempelbagaikan agenda pemasaran dan promosi produk As Sofa di semua cawangan Pos Malaysia Sdn Bhd di negara ini.

Terbaharu, bakal dibuka ialah cawangan Pos Mini di dalam bangunan Yayasan Sofa yang akan beroperasi dalam masa terdekat.

Cawangan Pos Mini ini menawarkan perkhidmatan yang terdapat di mana-mana Pos Malaysia seperti penghantaran pos laju, pembayaran bil dan pembaharuan (renew) insurans kenderaan.

Semoga dengan pembukaan Pos Mini di Yayasan Sofa ini dapat memudahkan urusan masyarakat setempat yang memerlukan perkhidmatan pengeposan, pembayaran bil utiliti dan membuat Waqaf As Sofa di Pos Malaysia.



AKTIVITI AS SOFA

Sambutan AMBANG MERDEKA

BERSAMA MASYARAKAT ISLAM
KAMPUNG BEMBAN, JASIN

Kehangatan sambutan ambang kemerdekaan yang diadakan di Lubuk Kasau, Bemban Jasin pada 30 Ogos lalu disambut meriah oleh penduduk kampung tersebut. Menerusi program ambang merdeka ini, Yayasan Sofa turut mengambil bahagian dengan menyerahkan Kotak Rezeki untuk dihadiahkan kepada penduduk kampung yang memerlukan.

Kotak Rezeki itu merupakan hasil sumbangan masyarakat Islam negara ini di mana didalamnya diisi barang keperluan asas dan makanan antaranya, beras, minyak masak, gula, tepung dan lain-lain.

Antara penerima manfaat dalam majlis yang diadakan sempena sambutan Hari Kemerdekaan Ke-66 termasuk, orang kelainan upaya (OKU), warga emas dan fakir miskin.



Ini adalah antara misi Yayasan Sofa untuk mendekati masyarakat Islam negara ini dengan menjalankan tanggungjawab sosial di mana sebelum ini wakil Yayasan Sofa pernah turun padang menyantuni mangsa banjir di kampung yang sama, tahun lalu.

Yayasan Sofa mengalu-alukan pihak korporat dan individu yang ingin menyertai program Kotak Rezeki sama ada dalam bentuk barang atau wang tunai, boleh hubungi Jabatan Korporat Yayasan Sofa di talian 06-2230133.



Hadiyah Buat PELAJAR TAHFIZ & ANAK YATIM AS SOFA DARUL HADITH AL SYAFI'AH RINCHING

Tiada yang lebih baik selain memberi pertolongan kepada anak-anak yatim di mana tempat mereka dibaraskan seperti dua jari Rasulullah SAW. Disebabkan itu juga Yayasan Sofa Negeri Sembilan mengambil inisiatif melalui jalinan korporat bersama Tabung Haji sebagai platform untuk umat Islam mendokong usaha dakwah ini.

Pada 18 Oktober lalu, Yayasan Sofa berbesar hati menerima sumbangan dari Tabung Haji iaitu van wakaf yang disampaikan sendiri oleh Pengarah Tabung Haji Negeri Sembilan, Encik Muhammad Zaki Baijuri.

Ini adalah inisiatif Tabung Haji dalam menyelaraskan sumbangan wakaf orang ramai menerusi kempen serahan van wakaf yang disifatkan sebagai hadiah bermakna buat pelajar Tahfiz dan Anak Yatim As Sofa Darul Hadith Al Syafi'ah, Rinching.

Alhamdulillah, hadiah bermakna ini disambut gembira oleh pelajar tahfiz dan anak yatim dengan rasa penuh kesyukuran kepada Allah SWT. Van diserahkan kepada mudirinya, Ustaz Muhammad Azrin A Rahman, baru-baru ini di mana akan digunakan sebagai pengangkutan rasmi sekolah.

MELAHIRKAN PELAJAR TAHFIZ BERKETERAMPILAN

Pelajar di Maahad Tahfiz As Sofa sentiasa sibuk dengan pelbagai aktiviti termasuk hujung minggu. Selain sibuk dengan jadual kelas, pelajar juga mengikuti aktiviti luar sekolah seperti program di bawah Kementerian Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Majlis Sukan Negeri dan sebagainya.

Melalui aktiviti seperti itu pelajar dapat menunjukkan bakat terpendam dan kemahiran yang mereka ada dalam pelbagai bentuk termasuk akademik dan sukan. Selain itu, turut yang ditonjolkan adalah personaliti pelajar yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang tertentu.

Inilah yang dibawa As Sofa iaitu melahirkan pelajar hebat dalam akademik, cergas dalam sukan, aktif dalam persatuan dan menyerlah dengan pelbagai bakat yang ada dalam diri masing-masing.

Intelektual, berketerampilan dan bersahsiah menjadi perkara utama yang diserapkan ke dalam diri pelajar di As Sofa kerana mereka adalah bakal pemimpin dan pentadbir masa depan negara.



BEDAH KITAB

Kitab	: KURNIAAN TUHAN DALAM SELAWAT KE ATAS SEBAIK-BAIK MAKHLUK
Penerbit	: Sofa Production Sdn Bhd
Pengarang	: Sayyid Abdullah ibn Muhammad al Siddiq al Ghumari (Terjemahan Sofa Production Sdn Bhd)
Harga	: RM35

Sinopsis :

Buku ini adalah terjemahan (Bahasa Malaysia) bagi kitab asalnya, al Nafhah al Ilahiyyah fi al Solah `ala Khair al Bariyyah. Kitab ini menyentuh 43 hadith mengenai keistimewaan selawat, kaifiyat selawat dan 31 khabar gembira yang diriwayatkan daripada ulama. Inilah yang dikatakan limpahan kurnia Allah SWT yang terhadap makhlukNya yang mengasihi dan mencintai Nabi Muhammad SAW. Tiada yang lebih baik selain terbit dalam hati keriangan dan keazaman serta tajalli (tersingkap) sifat Rahmah dan Kasih Allah SWT kepada sekalian hambaNya.

Sekiranya berminat, boleh dapatkan melalui pembelian terus di
KEDAI BUKU SOFA PRODUCTION SDN BHD
B-2-1, Jalan Dataran Sentral 2, 70200 Seremban, Negeri Sembilan

AKTIVITI AS SOFA



Selamat Kembali PELAJAR MTAS

Kejadian kebakaran yang berlaku pada September tahun lalu merupakan salah satu peristiwa yang berbekas di hati pelajar As Sofa dan warga kerjanya. Kejadian yang tidak disangka-sangka itu berlaku sekilip mata ketika semua penghuni bangunan terbabit berada di tingkat bawah untuk menuaikan solat Isyak berjemaah.

Sepantas kilat, api menyambar sebahagian asrama perempuan Maahad Tahfiz As Sofa Seremban (MTAS). Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa berlaku dan semua pelajar serta warga kerja berjaya diselamatkan.

Sejak dari peristiwa tersebut, semua pelajar MTAS dipindahkan ke Darul Quran wal Hadith Nilai di mana bermulalah perjalanan menuntut ilmu di sana. Ini kerana sebahagian bangunan yang dijilat api itu perlu dibaik pulih dan diselenggara dengan sebaiknya sebelum diduduki semula.

Hampir setahun kejadian kebakaran itu berlaku dan menjalani proses baikpulih, Alhamdulillah pada 1 Ogos lalu kesemua pelajar MTAS kembali ke gedung ilmu ini.

Terima kasih kepada semua penyumbang, anda adalah wira mereka.



Hubungi
Encik Affan **019-695 4456**
untuk tempahan.



IBADAH LEBIH LANCAR, TENANG BERSAMA D'SUFFAH TRAVEL

Nikmati pengalaman perjalanan umrah anda bersama D'Suffah Travel & Tours di mana melalui pakej-pakej menarik D'Suffah Travel, anda akan diberi layanan seperti kelas pertama.

Tidak perlu risau soal pengurusan, kerana petugas akan membantu menguruskan segala perjalanan dan penginapan anda dengan sempurna di Tanah Suci atau destinasi pilihan.

Lebih menarik, anda juga akan dibawa melawat ke tempat bersejarah, menaiki *cable car* dan dapat mendiami hotel yang berdekatan Masjidil Haram.

Jangan tunggu lagi, jadikan ibadah lebih lancar, tenang bersama D'suffah Travel. Jom tempah segera pakej umrah pilihan di D'Suffah Travel dan dapatkan pakej ziarah terbaik untuk anda kenangkan dan ceritakan kepada keluarga, sahabat dan kenalan.



ISTIMEWA PAKEJ BERSAMA D'SUFFAH TRAVEL

1
**VISA
UMRAH**

2
**PERCUMA
EMPAT BEG
berlainan saiz**

3
**PERCUMA
KURSUS
UMRAH**

4
**BUKU
PANDUAN**

HOTEL
antara 150 hingga 250 meter ke
Masjidil Haram (Mekah) dan
Masjidil Nabawi (Madinah)

**PENGINAPAN
dan
PENGANGKUTAN**

Pengalaman
bermalam
di THAIF

7

6

5

